

# Ahli kimia dan pekerja makmal mesti patuhi prosedur, protokol ditetapkan

**KUCHING:**Semua ahli kimia dan pekerja makmal penyelidikan di negara ini amnya mesti mematuhi prosedur serta protokol termaktub dalam Pensijilan ISO 17025 dan Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) ketika melakukan penyelidikan dan uji kaji di makmal.

Ahli Majlis Institut Kimia Malaysia (IKM) Chang Hon Fong berkata hanya uji kaji dan analisis makmal yang dilakukan mengikut prosedur serta protokol ditetapkan akan diiktiraf hasilnya.

Selain itu katanya laporan uji kaji perlu ditandatangani oleh ahli kimia yang mendaftar dengan IKM di bawah Akta Ahli Kimia 1975 jika tidak hasil penyelidikan adalah tidak sah dan orang yang menandatangani laporan boleh dihadapkan ke mahkamah.

“Sesiapa sahaja boleh melakukan kerja-kerja penyelidikan dan analisis di

makmal, seterusnya mengeluarkan hasilnya tetapi isunya adakah hasil penyelidikan itu berkualiti atau dijamin kesahihannya... tiada siapa tahu.

“ISO adalah isu antara-bangsa, jika sesebuah makmal atau ahli kimia di negara ini melakukan uji kaji dan mengikut semua prosedur serta protokol maka hasil penyelidikan boleh dieksport ke Eropah atau Amerika Syarikat atau ke mana sahaja,” jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Seminar Kesedaran Awam mengenai Standard Malaysia dan Skim Akreditasi Makmal Malaysia di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Seminar itu dianjurkan bersama oleh IKM dengan Jabatan Standard Malaysia.

Seminar sehari itu disertai ahli kimia, pekerja makmal institusi pengajian tinggi (IPT) dan pelajar UNIMAS.

Hadir sama Setiausaha



**CHANG HON FONG**

Kehormat IKM Sarawak yang juga pensyarah Fakulti Sains dan Teknologi Sumber (FSTS) UNIMAS Profesor Madya Dr Zainab Ngaini.

Chang berkata menyedari kepentingan pematuhan ISO 17025 dan SAMM, IKM dan JSM dalam usaha mempromosikan kesedaran mengenai perkara itu bukan sahaja

melibatkan kumpulan sasaran iaitu mereka yang bekerja dalam industri kimia dan makmal penyelidikan tetapi pelajar IPT.

“Kita menekankan topik pensijilan ISO dan akreditasi kerana ia tidak diajar dalam kurikulum universiti.

“Jadi ini adalah maklumat tambahan kepada pelajar agar mereka tahu dan sedia maklum mengenainya apabila mereka memasuki alam pekerjaan nanti.

“UNIMAS adalah universiti pertama di Borneo menjadi pilihan untuk menganjurkan seminar ini selepas ia diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM),” katanya sambil menambah IKM turut menandatangani perjanjian persefahaman dengan UNIMAS dalam mempromosikan profesion ahli kimia di IPT awam itu.